



09 SEP, 2021

## Lazada, Fama digitalkan perniagaan usahawan tani

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 1

SHOP MALAYSIA ONLINE

Lazada x FAMA

**LAZADA ADA SAPOT BUAH & SAYUR LOKAL LA!**

6 SEP – 31 DIS

DISKAUN RM15 UNTUK PEMBELIAN MIN 5000

PENGHANTARAN PERCUMA

Belanja online

2021 MDEC

**Kuala Lumpur:** Lazada Malaysia berganding bahu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk mendigitalkan perniagaan usahawan tani tempatan menerusi program *Onboarding* Produk Agromakanan di Platform E-Dagang.

Berbekalkan sokongan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Mdec) dalam pembangunan sektor pertanian negara, projek perintis ini bakal menyaksikan beratus-ratus usahawan tani tempatan memulakan perjalanan mereka di platform Lazada dalam usaha menyokong sektor pertanian negara.

## Lazada, Fama digitalkan perniagaan usahawan tani

Program berkenaan yang juga sebahagian daripada Inisiatif e-dagang Mdec dalam Belanjawan 2021 dapat mempercepatkan proses pendigitalan ladang dan usahawan tani dalam usaha merangsang pertumbuhan kategori berkenaan dalam ekonomi digital.

Dengan kerjasama Lazada, Fama akan menghubungkan rangkaian peladang mereka kepada platform e-dagang di mana usahawan tani yang baru menyertai platform bukan

sahaja boleh belajar di Lazada University, malah dapat membantu mereka membuka gedung digital masing-masing.

Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia, Magnus Ekbohm berkata, pendigitalan sektor ini amat penting untuk memastikan perniagaan kecil dan sederhana dalam industri pertanian dapat mencapai kemampuan jangka panjang dalam era apabila pengguna berusaha mengurangkan sentuhan fizikal dan membeli-be-

lah dalam talian untuk barangan runcit dan keperluan kini menjadi kebiasaan.

“Menerusi kerjasama ini, kami berharap masyarakat pertanian dapat mendigitalkan perniagaan dan memindahkan produk mereka ke dalam talian dengan bantuan Lazada.

“Platform Lazada menyediakan saluran terus untuk menjual hasil tanaman dalam talian yang dihantar terus ke meja pengguna pada harga lebih baik manakala pengguna boleh membeli daripada mereka dengan lebih cekap dan pada harga berpatutan,” katanya dalam kenyataan.